

Pembangunan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu bagi Mengatasi Masalah Membaca dalam Kalangan Murid

(Development of a Model of Malay Phoneme Sound Awareness in Overcoming Reading Problems Among Students)

MOHAMAD ROZI KASIM

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Dihantar: 13 Mei 2025 / Diterima: 21 Julai 2025

Koresponden e-mel: mrozi@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK: Kajian ini berkaitan pembangunan Model Kesedaran Fonem Bahasa Melayu dalam mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid-murid. Kajian ini dilakukan bagi memberi jalan penyelesaian kepada (1) masalah membaca bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak dan murid-murid di sekolah yang mengalami masalah pembelajaran, (2) ketiadaan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu di sekolah yang boleh digunakan oleh guru-guru di sekolah bagi mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid-murid sekolah dan akhir sekali (3) kebanyakan guru masih menggunakan kaedah pengajaran kemahiran bacaan yang bersifat tradisional dan (4) tidak bersistematik dalam melaksanakan prosedur bacaan. Objektif kajian ini adalah untuk: (1) menganalisis tahap kemahiran membunyikan fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu murid-murid di sekolah terpilih dan (2) membangunkan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu berdasarkan kerangka model kesedaran fonologi Gillon (2004, 2007). Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah pengaplikasian prosedur pembangunan Model Kesedaran Fonologi yang diperkenalkan oleh Gillon (2004, 2007). Hasil kajian daripada kajian ini memperlihatkan keperluan untuk membina model kesedaran fonologi bunyi fonem bahasa Melayu kerana daripada 24 orang murid yang telah diuji, seramai 21 orang murid di Tabika Kemas, Tanjung Malim masih tidak mahir membunyikan fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu. Hasil kajian ini juga terhasilnya Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh guru-guru di sekolah. Pembangunan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu ini diharapkan dapat mengurangkan kadar ketidakbolehbacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah.

Kata Kunci: Model Kesedaran Fonologi; Bunyi Fonem; Kemahiran Membaca

ABSTRACT: This study is related to the development of a Malay Phoneme Awareness Model in overcoming reading problems among students. This study was conducted to provide a solution to (1) the problem of reading Malay among children and students in schools who experience learning problems, (2) the absence of a Malay Phoneme Awareness Model in schools that can be used by teachers in schools to overcome reading problems among students and finally (3) most teachers still use traditional reading skills teaching methods and (4) are not systematic in implementing reading procedures. Next, the objectives of this study are to (1) analyze the level of skills in sounding out Malay vowel, consonant and diphthong phonemes of students in selected schools and (2) develop a Malay Phoneme Awareness Model based on the framework of Gillon's (2004, 2007) phonological awareness model. Meanwhile, the methodology used in this study is the application of the phonological awareness model development procedure introduced by Gillon (2004, 2007). The results of this study show the need to build a phonological awareness model of Malay phoneme sounds because out of 24 students who were tested, 21 students at Tabika Kemas, Tanjung Malim are still not proficient in sounding out Malay vowels, consonants and diphthongs. In addition, the results of this study also resulted in a Malay phoneme awareness model that can be used by teachers in schools. The development of this Malay Phoneme Awareness Model is expected to reduce the rate of illegibility of Malay among students in schools.

Keywords: Phonological Awareness Model; Phoneme Sounds; Reading Skills

PENGENALAN

Kesedaran fonologi merujuk kepada keupayaan untuk mengecah perkataan yang dituturkan yang terdiri daripada beberapa jenis bunyi “*Phonological Awareness: The ability to recognize that spoken words are made up of individual sound parts*” (National Center On Improving Literacy). Kesedaran fonologi ini sangat berkait rapat dengan kemahiran membaca. Selain itu, salah satu cabang utama dalam kesedaran fonologi ini ialah kesedaran bunyi fonem. Kesedaran bunyi fonem ini sangat penting kerana sebelum seseorang kanak-kanak menguasai kemahiran membaca, mereka perlulah menguasai kemahiran membunyikan fonem dengan betul terlebih dahulu. Sekiranya seseorang kanak-kanak masih tidak mahir membunyikan fonem yang tepat, maka kanak-kanak tersebut akan menghadapi kesukaran semasa proses pengejaan dan pembunyian suku kata dan perkataan.

Hal ini akan menyebabkan seseorang kanak-kanak itu akan menghadapi masalah membaca atau lambat membaca.

Masalah tidak boleh membaca atau lambat membaca yang berlaku pada masa ini perlulah diatasi dengan segera supaya masalah ini tidak berlanjutan. Oleh itu, pembangunan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu merupakan salah satu cara untuk mengatasi masalah tersebut. Pembangunan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu ini akan membantu guru-guru untuk melakukan pentaksiran, pelaksanaan intervensi dan penilaian dengan tersusun dan teratur. Pembangunan model ini akan menunjukkan kesedaran fonologi bahasa Melayu dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak atau murid sekolah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pertama sekali, permasalahan kajian utama yang menyebabkan perlunya kajian ini dijalankan adalah disebabkan tahap kemahiran membaca atau literasi dalam kalangan murid sekolah masih pada tahap yang rendah dan membimbangkan. Hal ini menunjukkan isu berkaitan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah masih berlaku pada masa ini dan langkah-langkah mengatasi perkara ini perlu dilakukan dengan segera. Oleh itu, pembangunan model kesedaran fonologi bahasa Melayu ini diharapkan mampu untuk mengurangkan kadar buta huruf atau lambat membaca dalam kalangan murid sekolah.

Permasalahan kajian yang menyebabkan kajian ini perlu dilakukan adalah kebanyakan murid mengalami masalah membaca disebabkan masih tidak ada satu kaedah atau teknik bacaan yang sistematik dan sesuai dengan murid-murid ini terutama sekali dalam konteks membaca bahasa Melayu. Murid-murid memerlukan satu teknik yang sistematik dan seragam yang membolehkan mereka untuk memahami sesuatu perkara. Tidak dapat dinafikan bahawa pada masa ini sudah banyak kajian-kajian yang menghasilkan kaedah bacaan bahasa Melayu yang terkini. Namun persoalannya, sejauhmanakah sesuatu kaedah bacaan itu bersifat aplikasi dan sesuai dengan keupayaan kognitif murid-murid yang berbeza-beza. Jika sebelum ini, kaedah bacaan bahasa Melayu yang popular dan digunakan secara meluas di sekolah-sekolah ialah kaedah bacaan huruf. Kaedah bacaan huruf ini sering digunakan oleh ibu bapa dan guru-guru untuk mengajar anak-anak atau murid-murid membaca bahasa Melayu.

Namun begitu, jika diteliti dengan lebih mendalam, kaedah bacaan huruf ini bersifat hafalan semata-mata kerana peringkat pengejaan perkataan

tidak selari dengan penyebutan bunyi sebenar suku kata atau perkataan. Secara tidak sedar, kaedah bacaan huruf ini memerlukan seseorang itu untuk menghafal huruf dan bunyi suku kata dalam sesuatu perkataan itu. Hal ini sekali gus menyebabkan seseorang yang mempunyai tahap kognitif yang rendah akan sukar untuk menguasai kaedah bacaan huruf ini kerana keupayaan menghafal mereka tidak tinggi seperti orang lain yang mempunyai tahap kognitif yang mampu menghafal semua huruf dan bunyi suku kata. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, satu model kesedaran fonologi bahasa Melayu akan dibangunkan bagi memastikan proses pentaksiran, pelaksanaan intervensi dan penilaian akan dijalankan dengan seragam serta mempraktikkan kaedah bacaan yang selari dengan konsep fonologi.

Permasalahan terakhir yang menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan adalah isu berkaitan masalah membaca dalam kalangan murid yang berbeza-beza. Masalah membaca dalam kalangan murid ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu murid yang langsung tidak boleh membaca dan murid yang boleh membaca tetapi jangka waktu untuk mereka menguasai kemahiran membaca ini sangat lewat berbanding murid-murid yang lain. Bagi murid-murid yang langsung tidak boleh membaca ini, mereka tidak boleh membaca disebabkan masalah-masalah seperti disleksia, afasia, autism dan banyak lagi. Murid-murid ini mengalami masalah membaca disebabkan kerosakan otak yang dialami oleh mereka. Keberangskalian mereka untuk tidak boleh membaca sangat tinggi disebabkan masalah otak yang dialami oleh mereka. Bagi murid-murid yang boleh membaca pula, terdapat isu berkaitan jangka waktu untuk mereka menguasai kemahiran membaca.

Setiap murid tidak mempunyai jangka waktu yang sama untuk menguasai kemahiran membaca kerana setiap murid berbeza keupayaan kognitif mereka. Terdapat murid yang sudah boleh membaca seawal umur lima, enam atau tujuh tahun. Namun begitu, terdapat juga murid yang menguasai kemahiran membaca pada umur 10, 11, 12 tahun atau lebih. Malah terdapat juga mereka yang menguasai

kemahiran membaca ini selepas tamat persekolahan. Isu ketidakseragaman jangka masa penguasaan kemahiran membaca ini sangat membimbangkan kerana sekiranya seseorang itu lambat menguasai kemahiran membaca, maka mereka juga akan sukar untuk memperoleh ilmu-ilmu yang lain yang memerlukan kemahiran membaca dalam proses pemerolehan ilmu-ilmu tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menganalisis tahap kemahiran membunyikan fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu murid-murid di sekolah terpilih.
2. Membangunkan Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu berdasarkan kerangka Model Kesedaran Fonologi Gillon (2004, 2007).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan dalam memperoleh data. Kaedah kepustakaan digunakan semasa mengutip dan menganalisis data atau maklumat bagi membangunkan

Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu. Kaedah lapangan digunakan untuk mendapatkan data menganalisis tahap penguasaan murid-murid dalam membunyikan fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu.

Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan ialah tinjauan awal yang dilakukan terhadap sumber-sumber bertulis, audio, video dan sebagainya yang terdapat di perpustakaan atau institusi lain, seperti arkib, bilik sumber, muzium dan sebagainya. Kajian kepustakaan yang dilakukan dalam kajian ini akan merujuk kepada lima tahap kerangka intervensi kesedaran fonologi yang diperkenalkan oleh Gillon (2004, 2007), iaitu pentaksiran, perancangan, pelaksanaan intervensi, penilaian dan pemantauan. Gillon dan McNeil (2007)

telah membina intervensi kesedaran fonologi bersepadu atau *integrated phonological awareness intervention (IPA)* yang direka untuk membantu penghasilan pertuturan, kesedaran fonologi dan pengetahuan bunyi huruf dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan kanak-kanak yang mengalami masalah pertuturan dan kecelaruan bahasa. Beliau juga sebelum itu telah membina kerangka intervensi kesedaran fonologi pada tahun 2004.

Kaedah Lapangan

Kajian ini turut menggunakan kaedah lapangan sebagai salah satu cara untuk mendapatkan data dan menganalisis data berkaitan tahap penguasaan murid-murid dalam membunyikan fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu. Kajian ini melakukan praujian terhadap murid-murid yang berumur lima hingga enam tahun yang bersekolah di Tabika Kemas, sekitar Tanjung Malim, Perak. Seramai 24 orang murid telah dipilih bagi menguji

sebutan fonem-fonem bahasa Melayu, iaitu fonem vokal, konsonan dan diftong yang selari dengan bunyi fonem yang terdapat dalam *International Phonetics Alphabets (IPA)*. Hasil daripada kajian lapangan ini akan menunjukkan sama ada terdapat keperluan atau tidak bagi pembangunan Model Kesedaran Fonologi Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid atau kanak-kanak yang mempunyai masalah menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini terbahagi kepada dua dapatan yang utama, iaitu (1) tahap penguasaan membunyikan fonem vokal, konsonan dan diftong bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid yang berumur lima hingga enam tahun di Tabika Kemas Tanjung Malim. Hasil dapatan tahap penguasaan tersebut akan menjadi


justifikasi sama ada Model Kesedaran Bunyi Fonem Bahasa Melayu wajar dibangunkan atau tidak. Dapatan kajian kedua dalam kajian ini pula ialah (2) pembangunan model kesedaran fonologi bagi bunyi fonem bahasa Melayu.

Tahap Penguasaan Membunyikan Fonem Bahasa Melayu

Berikut merupakan hasil dapatan tahap penguasaan membunyikan fonem vokal, konsonan dan diftong dalam kalangan murid-murid yang berusia lima hingga enam tahun di Tabika Kemas Tanjung Malim. Penilaian telah dilakukan semasa melaksanakan ujian di Tabika Kemas, Tanjong Malim untuk membaca fonem vokal, konsonan, diftong dan turut meminta mereka membaca beberapa perkataan yang diberikan. Hasil daripada ujian, kajian ini telah menilai tahap kebolehan membaca setiap murid berdasarkan empat skala, iaitu sangat menguasai, menguasai, kurang menguasai dan belum menguasai. Tahap sangat menguasai menjelaskan bahawa murid tersebut mempunyai keupayaan membaca dengan lancar dan jelas tanpa bimbingan guru manakala tahap menguasai

pula menunjukkan keupayaan murid untuk membaca dengan baik namun belum lancar dan masih memerlukan bimbingan guru.

Bagi skala kurang menguasai pula menjelaskan bahawa murid tidak mampu membaca dengan baik kerana sekadar boleh membaca beberapa vokal, konsonan dan diftong dan memerlukan bimbingan guru dan akhir sekali adalah skala belum menguasai iaitu menjelaskan bahawa murid sememangnya masih tidak membaca dengan lancar dan sangat memerlukan bimbingan guru. Berikut merupakan carta pai yang menunjukkan tahap kemahiran membaca murid berdasarkan penilaian melalui ujian yang dijalankan terhadap 24 orang murid.



CARTA 1: Penilaian tahap kebolehan membaca murid melalui Ujian Bacaan Fonem dan Perkataan Bahasa Melayu

Berdasarkan carta tersebut, carta tersebut menunjukkan keputusan penilaian ke atas 24 orang murid sebelum sesi pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Murid diminta untuk membunyikan vokal, konsonan, diftong dan mengeja beberapa patah perkataan yang mudah untuk menilai tahap penguasaan pembacaan mereka. Hasil ujian mendapati seramai 14 orang murid bersamaan dengan 59% masih belum menguasai iaitu bermaksud tidak boleh menyebut langsung vokal, konsonan diftong dan mengeja perkataan yang diberikan, manakala seramai 7 orang murid bersamaan 29% kurang menguasai, iaitu segelintir daripada mereka boleh menyebut beberapa sahaja vokal seperti vokal /a/, /o/ dan /u/, dan beberapa konsonan, namun mereka sama sekali tidak mengetahui untuk menyebut fonem diftong /ai/, /au/ dan /oi/. Seterusnya, seramai 2 orang murid bersamaan 8% berada pada tahap menguasai, iaitu mereka boleh menyebut vokal sepenuhnya dan

beberapa konsonan dan diftong namun bukan semuanya.

Akhir sekali seramai satu orang sahaja murid bersamaan 4% berada pada tahap sangat menguasai apabila murid tersebut mahir menyebut vokal, konsonan, diftong dan mengeja beberapa perkataan. Walaupun begitu, murid tersebut masih memerlukan bimbingan guru pada peringkat awal kerana mereka masih belum lancar untuk membaca sendiri. Secara holistiknya, majoriti murid di Tabika Kemas Tanjong Malim masih memerlukan bimbingan guru untuk membunyikan fonem dan mengeja suku kata bahasa Melayu dan seterusnya membunyikan perkataan bahasa Melayu. Oleh itu, berdasarkan keputusan ujian membunyikan fonem-fonem bahasa Melayu yang telah dilakukan sebelum ini, terdapat kewajaran bahawa model kesedaran fonologi bagi bunyi fonem bahasa Melayu wajar dibangunkan dalam kajian ini.

Model Kesedaran Fonologi Bagi Bunyi Fonem Bahasa Melayu

Berikut merupakan dapatan kajian ini berdasarkan lima tahap, iaitu pentaksiran, perancangan, pelaksanaan intervensi, penilaian dan pemantauan. Lima tahap yang terdapat dalam model kesedaran

fonologi bagi bunyi fonem bahasa Melayu ini dipetik dan diubah suai daripada model kesedaran fonologi Gillon (2004, 2007).

Pentaksiran (*Assessment*)

Menurut Gillon dan McNeil (2007), pentaksiran bertujuan untuk memantau perkembangan kesedaran fonologi pada peringkat awal dan mewujudkan data asas untuk mengukur kejayaan intervensi khusus yang bertujuan untuk memudahkan pembangunan kesedaran fonologi pada peringkat awal. Menurut mereka lagi data daripada pentaksiran kesedaran fonologi pada peringkat awal ini perlu dipertimbangkan dengan data daripada analisis komprehensif pertuturan dan prestasi bahasa kanak-kanak. Contohnya, menganalisis data daripada tugas penghasilan pertuturan yang merangkumi

pelbagai perkataan berbilang suku kata dan penilaian keupayaan pengulangan bukan perkataan, akan membantu menentukan kanak-kanak kecil yang mengalami masalah pertuturan yang paling berisiko mengalami masalah celik huruf (Gillon & McNeil, 2007). Pada masa ini, ujian awal perlu dilakukan oleh guru bagi mengenal pasti tahap penguasaan membunyikan fonem bahasa Melayu oleh kanak-kanak. Guru perlu mengenal pasti sama ada kanak-kanak sudah menguasai kemahiran membunyikan fonem bahasa Melayu atau tidak.

Perancangan (*Planning*)

Menurut Gillon dan McNeil (2007), dalam merancang kandungan terapi atau penilaian, adalah penting bagi pengajar untuk memahami cara menyesuaikan tahap kesukaran tugas yang terlibat. Fasa perancangan merupakan fasa yang penting kerana guru perlu merancang jadual pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca ini kepada kanak-kanak yang mengalami masalah membaca. Jadual pelaksanaan ini perlu diwujudkan sekurang-kurangnya setiap hari

persekolahan kerana kanak-kanak yang mengalami masalah membaca ini perlu diajar setiap hari supaya ingatan mereka tidak lupa dan mudah memahami pengajaran guru. Guru juga perlu merancang bahan yang akan digunakan dalam sesi pengajaran kelak. Dalam konteks pemilihan bahan pengajaran, kajian ini akan membantu guru-guru dengan menyediakan Model Bunyi Fonem Bahasa Melayu yang boleh digunakan sebagai bahan pengajaran.

Pelaksanaan (*Implementation*) Fasa Intervensi

Menurut Gillon dan McNeil (2007), pendekatan yang berbeza untuk memudahkan perkembangan kesedaran fonologi kanak-kanak kecil semasa prasekolah boleh diambil, iaitu (1) membangunkan pengetahuan yang mempengaruhi perkembangan kesedaran fonologi secara positif dan (2) mengintegrasikan aktiviti kesedaran fonologi khusus ke dalam sesi pertuturan-patologi. Dalam konteks kajian ini, modul bacaan fonem bahasa Melayu boleh diaplikasikan semasa fasa pelaksanaan intervensi ini. Berikut merupakan cara mengaplikasikan Model Bunyi Fonem Bahasa Melayu dalam fasa intervensi ini. Bunyi fonem yang

digunakan di dalam modul ini adalah berbeza dengan bunyi huruf ABC. Sebaliknya, modul ini telah menggunakan bunyi-bunyi fonem yang mengikut standard lambang fonetik sejagat atau *International Phonetics Alphabets (IPA)*. Penggunaan bunyi IPA ini sangat penting supaya semua huruf tersebut dibunyikan dengan bunyi sebenar yang diujarkan oleh manusia apabila membaca atau menyebut sesuatu perkataan itu. Jadual 1 hingga 8 merupakan panduan bagi membunyikan fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong mengikut bunyi IPA.

JADUAL 1: Cara membunyikan fonem-fonem vokal

Bil.	Vokal	Cara Membunyikan
1.	a	Bunyikan vokal /a/ ini seperti dalam perkataan [ayam]
2.	e	Bunyikan vokal /e/ ini seperti dalam perkataan [emak]
3.	i	Bunyikan vokal /i/ ini seperti dalam perkataan [ikan]
4.	o	Bunyikan vokal /o/ ini seperti dalam perkataan [otak]
5.	u	Bunyikan vokal /u/ ini seperti dalam perkataan [ular]
6.	e	Bunyikan vokal /e/ ini seperti dalam perkataan [elok]

JADUAL 2: Cara membunyikan fonem-fonem konsonan di bahagian **Bibir**

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
.	p	Bunyikan konsonan /p/ ini [peh] seperti dalam perkataan [paku]
.	b	Bunyikan konsonan /b/ ini [beh] seperti dalam perkataan [batu]
.	m	Bunyikan konsonan /m/ ini [meh] seperti dalam perkataan [mana]
.	w	Bunyikan konsonan /w/ ini [weh] seperti dalam perkataan [wali]

JADUAL 3: Cara membunyikan fonem-fonem konsonan di bahagian **Bibir-Gigi**

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
.	f	Bunyikan konsonan /f/ ini [feh] seperti dalam perkataan [fati]
.	v	Bunyikan konsonan /v/ ini [veh] seperti dalam perkataan [vari]

JADUAL 4: Cara membunyikan fonem-fonem konsonan di bahagian **Gigi-Gusi**

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
.	t	Bunyikan konsonan /t/ ini [teh] seperti dalam perkataan [tali]
.	d	Bunyikan konsonan /d/ ini [deh] seperti dalam perkataan [daki]
.	n	Bunyikan konsonan /n/ ini [neh] seperti dalam perkataan [nama]
.	r	Bunyikan konsonan /r/ ini [reh] seperti dalam perkataan [raya]
.	l	Bunyikan konsonan /l/ ini [leh] seperti dalam perkataan [lama]

JADUAL 5: Cara membunyikan fonem-fonem konsonan di bahagian **Lelangit Keras**

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
.	c	Bunyikan konsonan /c/ ini [ceh] seperti dalam perkataan [cari]
.	j	Bunyikan konsonan /j/ ini [jeh] seperti dalam perkataan [jari]
.	ny	Bunyikan konsonan /ny/ ini [nyeh] seperti dalam perkataan [nyala]
.	s	Bunyikan konsonan /s/ ini [seh] seperti dalam perkataan [saya]
.	z	Bunyikan konsonan /z/ ini [zeh] seperti dalam perkataan [zari]
.	sy	Bunyikan konsonan /sy/ ini [syeh] seperti dalam perkataan [syarat]

JADUAL 6: Cara membunyikan fonem-fonem konsonan di bahagian **Lelangit Lembut**

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
.	k	Bunyikan konsonan /k/ ini [keh] seperti dalam perkataan [kali]
.	g	Bunyikan konsonan /g/ ini [geh] seperti dalam perkataan [gali]
.	y	Bunyikan konsonan /y/ ini [yeh] seperti dalam perkataan [yati]
.	ng	Bunyikan konsonan /ng/ ini [ngeh] seperti dalam perkataan [ngadu]
.	kh	Bunyikan konsonan /kh/ ini [kheh] seperti dalam perkataan [khabar]
.	gh	Bunyikan konsonan /gh/ ini [gheh] seperti dalam perkataan [ghaib]

JADUAL 7: Cara membunyikan fonem konsonan di bahagian **Glotis (Pita Suara)**

Bil.	Konsonan	Cara Membunyikan
.	h	Bunyikan konsonan /h/ ini [heh] seperti dalam perkataan [hari]

JADUAL 8: Cara membunyikan fonem-fonem diftong

Bil.	Diftong	Cara Membunyikan
.	ai	Bunyikan diftong /ai/ ini seperti dalam perkataan [serai]
.	au	Bunyikan diftong /au/ ini seperti dalam perkataan [surau]
.	oi	Bunyikan diftong /oi/ ini seperti dalam perkataan [kaloi]

Penilaian (Evaluation)

Menurut Gillon dan McNeil (2007), fasa penilaian diadakan bagi memastikan intervensi yang disediakan telah memudahkan perkembangan kesedaran fonologi kanak-kanak. Fasa penilaian boleh digunakan untuk

mengkaji kemajuan kanak-kanak dalam aspek seperti berikut:

1. Pembelajaran pengetahuan yang disasarkan.
2. Tahap dorongan atau motivasi yang diperlukan dalam menyelesaikan tugas dengan jayanya.
3. Kepantasan bertindak balas.
4. Perkembangan kepekaan terhadap bunyi dalam perkataan.
5. Interaksi dalam meningkatkan penghasilan pertuturan, kesedaran fonologi, pengetahuan huruf dan aspek perkembangan bahasa yang lain.

Pemantauan (*Monitoring*)

Menurut Gillon dan McNeil (2007), kanak-kanak prasekolah yang mengalami masalah pertuturan-bahasa harus dipantau dengan teliti selepas kemasukan ke sekolah dan semasa tahun-tahun awal persekolahan. Isu-isu berikut harus dipertimbangkan:

1. Tempoh lanjutan bagi intervensi kesedaran fonem berstruktur mungkin diperlukan dalam tahun pertama atau kedua persekolahan.
2. Bukti penilaian bahawa kanak-kanak boleh menggunakan maklumat fonologi dalam proses membaca dan mengeja dan sedang mengembangkan kecekapan dalam pengecaman
3. Setelah penyahkodan perkataan dikuasai, intervensi mungkin perlu menyasarkan bidang perkembangan bahasa lain seperti kemahiran naratif lisan, atau kesedaran semantik/sintaktik/morfologi untuk meningkatkan lagi ejaan dan pemahaman bacaan.
4. Kanak-kanak yang mengalami gangguan bahasa pertuturan mungkin memerlukan tempoh intervensi intensif yang lebih lanjut dan berterusan.

perkataan harus dikumpulkan. Bukti sedemikian akan menyokong keberkesanan intervensi kesedaran fonologi awal.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran membunyikan fonem-fonem bahasa Melayu dalam kalangan murid yang berumur lima hinggan enam tahun di Tabika Kemas, Tanjung Malim. Hasil daripada penilaian tersebut menjadi justifikasi tentang keperluan untuk membina Model Kesedaran Fonologi Bahasa Melayu dari sudut pembunyian fonem. Seterusnya, kajian ini telah membina Model Kesedaran Fonologi Bahasa Melayu yang boleh digunakan untuk membantu guru-guru atau ibu bapa untuk mengajar murid atau anak-anak mereka membaca bahasa Melayu dengan cepat, mudah dan berstruktur. Kajian ini juga turut telah menjelaskan cara membunyikan fonem atau huruf

dengan betul dengan merujuk kepada bunyi fonem vokal, konsonan dan diftong yang terdapat dalam senarai IPA. Walaupun penjelasan ini hanya dalam bentuk tulisan dan tidak ada bunyi bagi menjelaskan dengan terperinci bunyi-bunyi fonem tersebut, namun penjelasan yang diberikan dalam Jadual-jadual sebelum ini dianggap berpadam dan mampu membuat pembaca untuk memahami bunyi-bunyi fonem tersebut. Akhir sekali, semoga semua pihak yang terlibat dapat mengaplikasikan kelima-lima fasa yang terdapat dalam Model Kesedaran Fonologi Bahasa Melayu dalam mengatasi masalah buta huruf atau lambat membaca dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan

RUJUKAN

- Cantino, M. 2021. *Theory and Practice: Phonological Awareness Instructional Methods Used in Deaf Education*. Dissertation. St. John's University: New York. https://scholar.stjohns.edu/theses_dissertations/287 [Diakses pada 20 Jun 2025]
- Chard, D. J. & Dickson, S. V. (1999). Phonological awareness: Instructional and assessment guidelines. *Intervention in School and Clinic*, 34(5): 261-270.
- Bung Qian Min, et al. 2022. Kesedaran dan keperluan guru mengenai Modul Teknik Bacaan Dialogik di prasekolah SJKC. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 11(1): 22-34.
- Feagin, C. 2002. In. Chambers, J.K. et al. (Eds.) *The Handbook of Language Variation and Change*. Blackwell: United Kingdom.
- Gillon, G.T. 2004. *Phonological Awareness: From Research to Practice*. New York: Guilford Press.

- Gillon, G.T. & McNeil, B.C. 2007. *Integrated Phonological Awareness: An Intervention Program for Preschool Children with Speech-language Impairment*. New Zealand: College of Education, University of Canterbury.
- Goldsmith, J. 1976. Autosegmental Phonology. Dissertation of Doctor of Philosophy. Massachusetts Institute of Technology, United States.
- Goldsmith, J. 2011. *The Syllable*. In Goldsmith, J. et al. (Eds.). *The Handbook of Phonological Theory*. United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Hanifah Sabin et al. 2019. Modul Membaca Awal Prasekolah menggunakan Nyanyian berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan aplikasi kaedah belajar melalui bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1): 45-58.
- Ilangko Subramaniam. 2014. Aktiviti permainan bahasa, wahana penguasaan kosa kata. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2): 1-9.
- Nabilah Asha et al. 2020. Penggunaan *Big Book* dalam kalangan guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9: 106-112.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. 2019. Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi program LINUS di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1): 1-11.

WEBSITE

- National Center On Improving Literacy <https://improvingliteracy.org/kit/phonological-phonemic-awareness/index.html> [Diakses pada 20 Jun 2025]
- <https://uw.pressbooks.pub/eedumll/chapter/7-3-phonological-awareness/> [Diakses pada 20 Jun 2025]
- <https://www.vic.gov.au/literacy-teaching-toolkit-early-childhood/learning-foci-emergent-literacy/phonological-awareness> [Diakses pada 20 Jun 2025]
- <https://www.readingrockets.org/> [Diakses pada 20 Jun 2025]